

1. **Apakah Hukuman Bagi Orang Yang Murtad?**
2. **Bagaimana Seseorang Itu Dikatakan Murtad?**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين، ونصلي ونسلم على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعليه وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah,

Murtad (مرتد) ialah suatu perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebut oleh seseorang Islam yang mukallaf di mana perbuatan ini, atau perkataan itu menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada ugama Islam.

Di dalam Islam, murtad adalah jenayah yang berat yang mesti diambil tindakan tegas terhadap yang melakukannya serta yang bersyubhat menyebabkan seseorang itu murtad. Ini kerana murtad boleh mengancam Islam dan umatnya.

## HUKUM MURTAD

Hukum asal kepada mereka yang murtad ialah “Bunuh” berasaskan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (no. 3017):

مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ

Bermaksud:

*“Barangsiapa yang menukar agamanya maka bunuhlah ia”*

Walaupun bagaimanapun, sebelum dijalankan hukuman asal ini orang yang murtad hendaklah disuruh bertaubat dan sekiranya ia enggan bertaubat barulah hukuman itu dilaksanakan.

Tempoh bertaubat ialah 3 hari 3 malam dan daripada masa dijatuhkan hukuman. Apabila tempoh tersebut tamat, orang yang murtad hendaklah/wajib dibunuh.

Selain hukum asal tadi, hukuman gantian kepada orang yang murtad ini yang telah bertaubat ialah disebat, penjara, denda dan memalukannya di khalayak ramai.

Selain itu, hukuman tambahan juga dilaksanakan selepas hukuman asal orang yang murtad yang mati atau dikenakan hukuman disebabkan murtad, harta bendanya akan dirampas dan dijadikan hak milik Baitul Mal dan tidak boleh diwarisi oleh warisnya yang Islam atau bukan Islam.

## **SESEORANG YANG DIKATAKAN MURTAD**

Seseorang yang dikatakan murtad/telah murtad melalui tiga (3) cara:

1. I'tiqad (اعتقاد) atau kepercayaan.

Mithalnya: Mengaku ada Tuhan selain Allah SWT.

2. Amalan/Perbuatan.

Mithalnya: Menyembah patung/berhala

3. Perkataan (dengan sengaja).

Seperti ucapan: “sembahyang itu bukan rukun Islam”

Demikianlah.

والله تبارك وتعالى أعلم

Disediakan oleh:

Pejabat Mufti Negeri Sabah

KOTA KINABALU

1 Mac 2001